



## **AMANAT**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD. NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(HAL EHWAL AGAMA)**

## **SEMPENA**

**PERHIMPUNAN AGENSI-AGENSI DI BAWAH YB MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**31 JANUARI 2023M / 9.00 PAGI**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ ذِي الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى عَبْدِهِ وَرَسُولِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ الْمَبْعُوتِ  
رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ وَهَدَايَةً لِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. نَحْمَدُكَ اللَّهُمَّ عَلَى مَا أَنْعَمْتَ  
عَلَيْنَا مِنَ النِّعَمِ بِمَنْكَ وَكَرِمْكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

**[SALUTASI]**

**Yang Berbahagia Datuk Hajjah Hakimah binti Mohd.  
Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM**

**Yang Berbahagia Dato' Sri Amrin bin Awaluddin, Ketua  
Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji**

Datuk-Datuk, Ketua-ketua agensi hal ehwal Islam, pengurusan kanan dan seluruh warga JAKIM, JKSM, JAWHAR, MAIWP, JAWI, Tabung Haji, IKIM, YADIM, YAPEIM, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan, TV Al-Hijrah dan Yayasan Waqaf Malaysia yang dihormati sekalian,

1- Ingin saya memulakan ucapan pagi ini dengan mengajak hadirin bersama-sama merenung firman Allah SWT dalam Surah Ali ‘Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفْرُّوْا وَأَذْكُرُوا نَعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنَعْمَتِهِ أَخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَانقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذِلِكَ بِإِيمَانِ اللَّهِ لَكُمْ إِيمَانِهِ لَعَلَّكُمْ تَهَدُونَ ۚ ۱۰۳

Maksud Ayat:

103. Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang Neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.

2. Alhamdulillah, marilah kita mengangkat setinggi-tingginya kalimah syukur ke hadrat Allah SWT, atas izin-Nya juga, pagi ini keluarga besar agensi Islam dapat berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Agensi di

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) buat kali yang pertama untuk tahun 2023 ini.

3. Terima kasih saya ucapkan kepada JAKIM kerana telah bertungkus lumus mengurus-setiakan majlis ini. Pertemuan seumpama ini amat penting untuk mempertautkan perpaduan hati kita warga agensi Islam.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, warga agensi Islam yang dikasihi,

**[JAWATAN ADALAH TAKLIF; BUKAN TASYRIF)**

4. Hari ini adalah perhimpunan pertama saya bersama warga agensi Islam di bawah portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Saya mengambil sedikit masa untuk mengadakan perhimpunan agensi, kerana dalam tempoh bulan Disember 2022 dan Januari 2023, saya mengambil ketetapan mahu menyelesaikan terlebih dahulu hal-hal pentadbiran di samping mendengar taklimat daripada semua agensi berkaitan struktur, operasi dan cadangan halatuju agensi oleh pengurusan kanan setiap agensi.

Alhamdulillah pada hari Jumaat lepas, sesi taklimat oleh semua agensi telahpun selesai dilaksanakan.

Hadhirin yang dirahmati Allah swt sekalian,

5. Tarikh 3 Disember 2022 adalah tarikh bersejarah bagi negara Malaysia tercinta apabila terbentuknya sebuah Kerajaan Perpaduan yang terdiri daripada gabungan beberapa parti politik. Namun, siapa yang dapat menduga, termasuk saya yang sedang bercakap ini, bahawa dalam keghairahan dan pelbagai spekulasi rakyat Malaysia menyenaraikan nama para Anggota Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan, terselit juga nama seorang penjawat awam yang dilantik sebagai Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama).

6. Ternyata ia adalah satu perkara yang amat mengejutkan saya sendiri dan seluruh keluarga. Pengumuman itu telah mengubah rutin hidup saya sebelum ini. Saya akui ia adalah satu beban yang amat berat. Ia bertambah berat kerana tanggungjawab ini buat julung kali dalam sejarah negara, pelantikan

Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) kali ini adalah dengan perkenan Majlis Raja-Raja.

7. Selama lebih 2 dekad, perjalanan panjang karier saya adalah dalam lingkungan protokol “hitam-putih”. Saya seperti tuan/puan semua, penjawat awam. Saya berkhidmat di institusi kehakiman syariah yang saudara/saudari semua tahu akan etikanya bagaimana. Saya tidak boleh terlampau bebas ketika berada di khalayak. Saya tiada akaun Facebook, Instagram apatah lagi Tik-Tok. Aplikasi whatsapp sahaja yang ada dalam telefon bimbit. Saya telah dilatih dengan sebeginu rupa. Tekad saya adalah untuk memartabatkan perundangan dan kehakiman Syariah di Malaysia dan juga peringkat antarabangsa serta bersara daripada perkhidmatan awam sebagai Ketua Pengarah JKSM sahaja.

8. Sesungguhnya takdir Allah itu mengatasi segalanya. Ketentuan Allah itu Maha Sempurna. Amanah berat selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), saya gagahi jua. Demi

ummah, saya akan berusaha memberikan sepenuh daya, jiwa raga, pemikiran dan keringat saya kepada amanah besar ini.

9. Ketika memulakan langkah pertama memasuki Pejabat Menteri, saya mengingatkan diri saya, akan kandungan surat yang pernah ditulis oleh al-Hasan al-Basri kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang baharu dilantik sebagai Khalifah. Surat itu antaranya mencatatkan:

“Hai Amirul Mukminin! Tuhan memberi amanah kepada khalifah bagi meluruskan segala yang bengkok, membaiki segala yang rosak, menguatkan segala yang lemah, membela mereka yang teraniaya, dan menjadi penolong mereka yang terlantar.

“Hai Amirul Mukminin! Khalifah yang adil ibarat hati dalam anggota badan, jika baik nescaya baiklah anggota badan dan jika rosak, maka rosaklah anggota badan.

“Hai Amirul Mukminin! Janganlah kamu memandang pada kedudukan kamu pada hari ini, tetapi pandanglah kedudukan kamu pada hari esok ketika kamu terbelenggu dalam cengkaman maut, kemudian berdiri di hadapan Tuhan di tengah kelompok para malaikat, para Nabi dan Rasul”.

10. Saya bukanlah orang yang sempurna di kalangan Tuan-Puan. Saya ada kekurangan dan kelemahan. Tetapi saya percaya, dengan kejujuran, kelebihan dan kesatuan seluruh warga agensi, ia menjadi sumber kekuatan kepada saya untuk mengetuai agensi Islam.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

**(SUSUR GALUR & SEJARAH PERKEMBANGAN  
INSTITUSI HAL EHWAL ISLAM)**

11. Apabila kita mengamati sejarah, pentadbiran Islam secara umumnya telah berjaya diasaskan oleh para ulamak di sekitar abad ke-11 hingga awal abad ke-15. Kemudiannya, apabila negara mula dijajah oleh Portugis, Belanda dan Inggeris hampir sekitar 450 tahun lamanya iaitu dari 1511 hingga tahun 1957, pentadbiran Islam mula disempitkan ketika itu.

12. Syukur Alhamdulillah, apabila negara mendapat kemerdekaan pada tahun 31 Ogos 1957, ia telah memberikan ruang yang agak selesa kepada sistem pengurusan hal ehwal Islam di peringkat negeri dan juga peringkat Persekutuan untuk mengorak langkah.

13. Jika ditinjau dari lensa sejarah, antara institusi agama terawal ialah Jabatan Agama Islam yang ditubuhkan ialah di negeri Johor sekitar tahun 1895. Manakala Majlis Agama Islam Negeri Kelantan ditubuhkan sekitar tahun 1915.

14. Di peringkat Persekutuan pula, Majlis Raja-Raja dalam Persidangan Kali ke-81 pada 17 Oktober 1968 telah bersetuju menubuhkan sebuah badan bagi menyelaras hal ehwal pentadbiran agama Islam di seluruh negara. Badan ini telah dirasmikan penubuhannya pada 1 Julai 1969 dengan nama Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Barat pada peringkat awal.

15. Pada 17 Jun 1971, Majlis ini kemudian ditukar nama kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, dirujuk dengan nama singkat MKI, apabila Sabah dan Sarawak menjadi ahli.

16. Pada waktu itu, agensi hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan bermula sebagai sebuah urus setia sahaja,

kecil sahaja. Kemudian ia berkembang dan terus berkembang, zaman berganti zaman, akhirnya sekarang alhamdulillah, kita mempunyai 14 buah agensi hal ehwal Islam.

17. Saya sebutkan sejarahnya di sini supaya, kita benar-benar menghargai keberadaan kita semua di agensi Islam yang telah dimulakan perjalannya oleh insan-insan terdahulu, yang perlu kita hargai jasa bakti mereka semua. Kita semua adalah generasi pewaris yang mesti sehabis upaya menjaga kemuliaan dan integriti institusi hal ehwal Islam. Usahlah disebabkan diri kita, nama baik institusi Islam tercalar-balar. Kita semua perlu menjadi duta agensi yang bekerja dengan penuh ikhlas dan berdaya juang, demi memenuhi keperluan masyarakat.

18. Oleh kerana itu, ketika Mesyuarat pertama saya bersama Ketua-ketua agensi, saya menyeru Ketua-ketua agensi dan seluruh warga bekerja dengan nilai yang saya jenamakan sebagai 5 ‘I’ (ilmu, integriti, itqan, ikhlas dan istiqamah). Saya ingin mengajak semua

warga Hal Ehwal Islam supaya menghayati 5 Nilai utama ini. Ia hendaklah diterapkan secara berterusan dalam setiap kegiatan rasmi dan tidak rasmi seluruh agensi. Oleh itu, saya berpandangan Nilai 5 ‘I’ ini kita jadikan sebagai satu bentuk kempen khas untuk dihayati oleh kita semua. InsyaAllah, di pihak pejabat saya juga akan mencadangkan aktiviti-aktiviti bersesuaian selepas ini bertujuan mengukuhkan penghayatan nilai-nilai ini dalam kalangan seluruh warga kerja Hal Ehwal Agama.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,  
(KERANGKA DASAR REFORMASI NEGARA:  
MEMBANGUN MALAYSIA MADANI)**

19. Pada 19 Januari yang lalu, Yang Amat Berhomat Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan visi dan kerangka dasar reformasi negara iaitu “Membangun Malaysia MADANI untuk mencipta lonjakan baharu negara serta menghidupkan semula kekuatan leluhur bangsa. Berpandukan buku “Membangun Negara Madani” karya YAB Perdana Menteri, yang telah diluncurkan pada majlis tersebut,

konsep dan kerangka Malaysia Madani akan dipandu oleh **enam (6) prinsip nilai utama** iaitu:

Pertama:KEMAMPANAN  
Kedua: KESEJAHTERAAN  
Ketiga: DAYA CIPTA  
Keempat: HORMAT  
Kelima:KEYAKINAN  
Keenam: IHSAN

20. Untuk makluman semua warga Hal Ehwal Agama, keenam-enam Prinsip Nilai Malaysia MADANI ini kini menjadi dasar dan halatuju Kerajaan Perpaduan semasa di mana ia akan memandu gerak kerja kita semua terutama bagi memperkuuhkan **lapan (8) bidang keperluan** iaitu ekonomi dan kewangan, perundangan, institusi, pendidikan, kemasyarakatan, kebudayaan, bandar dan luar bandar.

21. Dalam konteks ini lah, kita semua sebagai warga dan kakitangan di bawah agensi hal ehwal Islam hendaklah mula bersikap proaktif dalam menjayakan aspirasi membangunkan Malaysia Madani yang menjadi hala tuju kerajaan pada hari ini. Dalam erti kata lain, kita semua mesti mula **bertindak dengan pantas** sebagai

jentera barisan hadapan bagi merealisasikan seluruh aspirasi yang terkandung dalam naskhah Malaysia Madani yang telah digagaskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

22. Kita semua warga agensi Islam amat bertuah kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang yang amat dekat dengan institusi Islam dan amat prihatin dengan dasar dan program-program memperkasakan Islam dan umat Islam. Oleh itu, kita warga Hal Ehwal Islam mesti menyambut baik gagasan Malaysia Madani ini kerana hakikatnya ia amat sejajar dengan landasan, hala tuju dan perjuangan Hal Ehwal Islam selama ini.

23. Sesungguhnya, konsep ‘MADANI’ yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri bukan satu istilah yang asing dalam kamus perbendaharaan ilmu Islam. Ia hakikatnya bersumberkan falsafah kenegaraan yang dirumuskan oleh Al-Quran al-Karim sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Saba’ ayat 15 :

لَقَدْ كَانَ لِسَبَّا فِي مَسْكَنِهِمْ عَائِدٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينِ وَشَمَائِلِ كُلُّوًّا مِنْ رِزْقِ  
رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

١٥

**Maksudnya:** Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun

Firman Allah SWT ini jelas menzahirkan aspirasi sebuah negara Makmur yang berada di bawah Rahmah dan Keredaan Ilahi dibangunkan dalam kehidupan manusia. Dalam hubungan ini, dalam rangka merealisasikan aspirasi kenegaraan Islam menurut al-Quran tersebut, model pembinaan negara yang diasaskan oleh Rasulullah SAW di Madinah al-Munawwarah menjadi dasar dan panduan kita.

24. Sepanjang saya mengikuti ucapan dan perbincangan dengan YAB Perdana Menteri, saya telah dapat menghayati bahawa falsafah, semangat dan

aspirasi kenegaraan yang terkandung dalam pedoman wahyu tersebut serta model kehidupan umat Islam di negara Madinah oleh Nabi Muhammad SAW adalah sumber terpenting yang menjadi asas dalam penggubalan gagasan Malaysia Madani. Dalam erti kata lain, gagasan Malaysia Madani yang dikemukakan oleh kerajaan hari ini merupakan satu ikhtiar kenegaraan bagi menterjemahkan prinsip-prinsip terunggul kenegaraan Islam yang berteraskan keimanan dan keyakinan, kehormatan dan kemuliaan insan serta kesejahteraan dan keharmonian umat manusia, di dalam segenap sektor dan bidang kehidupan masyarakat moden di negara kita masa kini.

25. Oleh itu, saya ingin mengajak semua warga Hal Ehwal Islam untuk berganding bahu bagi sama-sama menjayakan cita-cita pembinaan Malaysia Madani. Dalam usaha menjayakan cita-cita ini, kita akan mencungkil sebanyak mungkin buah fikiran terbaik tentang konsep, model dan pengalaman pembinaan negara sebagaimana terangkum dalam banyak karya-karya besar sarjana Islam klasik dan semasa. Pemikiran

Islam klasik seperti oleh Al-Farabi, Imam al-Ghazali, Ibn Khaldun dan Malik Bennabi misalnya hendaklah kita selusuri dan fahami seterusnya cuba mencerakinkan dan menyesuaikan dengan cabaran serta keperluan masyarakat dan negara kita pada masa kini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

**[PELAN TRANSFORMASI HAL EHWAL AGAMA  
MENUJU MALAYSIA MADANI~ AL-FALAH]**

26. Dalam hubungan untuk menjayakan visi dan gagasan Membangun Malaysia Madani ini, saya suka memaklumkan kepada semua warga pada hari ini iaitu pihak Pejabat Menteri telah melaksanakan beberapa proses libat urus dengan Ketua-ketua Agensi Hal Ehwal Islam serta wakil-wakil dari semua agensi untuk kita merangka sebuah Pelan Gerak Kerja yang disepakati bersama. Pada hari ini, bersempena dengan Majlis Amanat pertama ini, saya ingin mengumumkan pelaksanaan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia Madani atau ringkasnya kita jenamakan sebagai “AL-FALAH”. Pelan Transformasi

Al-Falah ini adalah bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2023-2027 dan mengandungi 5 Teras, 10 Fokus Gerak Kerja dan 5 Nilai yang merupakan inisiatif-inisiatif utama yang didapati sesuai dan praktikal bagi kita sama-sama merealisasikan gagasan Malaysia Madani.

27. Pelan Al-Falah ini kita gubah berdasarkan falsafah dan semangat “Hayya ‘Alal Falah”~ membawa maksud “mari bersama menuju kejayaan” yang menjadi laungan azan solat fardhu yang sentiasa lestari dalam jiwa dan minda umat Islam khususnya kita sebagai jentera pengurusan hal ehwal Islam. Menerusi Al-Falah ini, saya ingin mengajak seluruh warga Hal Ehwal Islam untuk bersama-sama berganding bahu, tidak kira di tahap mana peranan dan kedudukan tuan-tuan dan puan-puan semua, untuk membina semula Kegemilangan Tamadun Ummah menerusi landasan Malaysia Madani yang telah dibangunkan oleh kerajaan.

28. Sebagaimana tercatat pada risalah yang diedarkan kepada tuan-tuan dan puan, saya suka mengambil perhatian iaitu, objektif Pelan AL-FALAH ialah, **Pertama**, menggariskan teras-teras strategik untuk dicapai oleh

agensi hal ehwal Islam bagi menjayakan gagasan Malaysia Madani. **Kedua**, membentuk kesatuan fikrah dan gerak kerja seluruh kepimpinan agensi dan warga kerja Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri dalam menjayakan pelan trasformasi yang disepakati. Dan **Ketiga**, memandu penglibatan dan sokongan umat Islam dalam menjayakan visi kesejahteraan Malaysia MADANI.

29. Saudara dan saudari sekalian, AL-FALAH mengandungi **5 teras utama, 10 Fokus Gerak Kerja dan 5 Nilai** yang telah saya jelaskan sebelum ini.

### **TERAS Pertama Pelan Transformasi Al-Falah ialah: Pentadbiran Islam Mampan**

Teras ini akan menghala kepada 2 fokus gerak kerja iaitu pengislahan dasar jua tadbir urus institusi Islam, serta pemantapan penyelidikan dan persuratan Islam. Teras ini dipilih sebagai usaha melaksanakan penilaian serta pembaharuan dasar tadbir urus hal ehwal agama sejajar dengan Maqasid Syariah dan agenda pembangunan Malaysia Madani. Kita muhun menggembeleng usaha mempertingkatkan kecekapan, profesionalisme serta mengangkat tatakelola yang telus

dan cekap. Dalam pada yang sama, agenda memperkasa kerja-kerja penyelidikan dan persuratan Islam harus diberi penekanan semula.

Saya amat berharap, menerusi Teras ini, kita akan dapat mengemukakan pembaharuan dasar terbaik, mesra dan rahmah demi memastikan urustadbir pengurusan Islam menzahirkan nilai-nilai keislaman yang indah, mudah serta damai. Kita yakin, menerusi kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang bermutu serta kegiatan persidangan dan penerbitan yang berkualiti, kita akan dapat mengemukakan sebuah citra dan pelaksanaan dasar hal ehwal Islam yang menjadi teladan kepada semua pihak tidak sahaja di dalam negara malah di luar negara.

### **TERAS Kedua pula ialah: Kesejahteraan Insan**

Dalam konteks teras Kesejahteraan Insan, agensi Islam akan memberikan fokus kepada **2 perkara penting iaitu kemampunan ekonomi dan kebajikan sosial Islam serta pengukuhan perpaduan ummah dan keharmonian tamadun.**

Teras ini pula dipilih setelah analisa ke atas senario semasa rakyat yang masih terkesan dengan kesan COVID-19 yang perlu dibantu dalam pelbagai aspek, dan disinilah peranan agensi Islam untuk “hidup” bersama masyarakat. Selain itu, adalah mustahak bagi agensi Islam untuk menggerakkan program-program

dialog harmoni antara penganut pelbagai agama dan tamadun.

### **TERAS Ketiga ialah : Kemuliaan Syariah**

Teras yang ketiga ini pula akan memberikan perhatian sedalam-dalamnya kepada usaha memartabat perundangan dan kehakiman Islam serta penghayatan nilai masyarakat Madani.

Teras ini adalah teras yang mesti diberikan keutamaan. Usaha-usaha untuk memartabatkan institusi perundangan dan kehakiman Islam perlu direncana dengan penuh strategik. Dengan kerjasama padu bersama agensi Jabatan Peguam Negara dan lain-lain pihak berkepentingan, harapan kita ianya dapat direalisasikan. Dalam pada masa sama, program-program penerapan nilai masyarakat Madani ditebarkan dalam masyarakat melalui pelbagai kaedah dan pendekatan.

### **Seterusnya TERAS Keempat ialah: Kepimpinan Berdaya Cipta**

Teras ini akan memeta fokus ke arah pengukuhan kepimpinan generasi muda dan komuniti selain menumpukan kepada pemerkasaan media dan kesenian Islam yang sama sekali tidak boleh terpisah daripada kerangka halatuju institusi Islam. Dalam konteks agensi Islam, kita amat bertuah kerana kita memiliki stesen TV Alhijrah, TV JAKIM dan Radio IKIM

serta Salamfm JAKIM. Kesemua platform ini perlu diperkasa agar benar-benar tampil mengisi jiwa masyarakat dengan santapan rohani dan ilmu.

Kita berharap akan dapat menyumbang terhadap kelahiran barisan kepemimpinan baru ummah yang berkualiti dari kalangan generasi muda dan komuniti. Negara kita hari ini masih mendambakan barisan kepimpinan terbaik dan beintegriti di segenap peringkat terutama di peringkat keluarga dan masyarakat. Kita yakin, kepimpinan pewaris yang berkualiti pasti akan menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara pada masa akan datang.

### **Manakala TERAS Kelima ialah: Kehormatan Institusi Islam**

Teras ini akan akan memusatkan fokus kepada keunggulan pendidikan Islam dan dakwah berhikmah di samping cakna kepada usaha pemodenan prasarana institusi Islam. Institusi sekolah agama, pondok, tahfiz, KAFA akan terus diberikan perhatian tanpa sedikitpun dikesampingkan.

Teras ini memerlukan kita semua bekerja keras dan berpadu tenaga terutama dalam mengukuhkan program pendidikan Islam di bawah Hal Ehwal Agama. Para guru pendidikan Islam hendaklah diberi latihan secukupnya dan kebajikan mereka dijaga dengan baik. Para guru pendidikan Islam adalah duta kita bagi memastikan

program pentarbiyah masyarakat dapat berlangsung dengan jaya dan berkesan.

Demikian juga kepentingan untuk kita memastikan prasarana dan kemudahan institusi Islam di negara kita berada dalam keadaan terbaik sebagai pusat ibadah, tarbiyah dan dakwah yang selesa untuk kebaikan seluruh warga masyarakat.

30. AL-FALAH bukan agenda peribadi saya atau siapa-siapa. Sebaliknya AL-FALAH agenda kita semua demi maslahah agama dan negara. Tentunya AL-FALAH memerlukan dokongan dan iltizam daripada tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga agensi Islam. Tanpa dokongan dan iltizam daripada saudara-saudari, AL-FALAH hanya akan kelihatan cantik di atas kertas semata, tetapi gagal untuk diterjemah kepada rakyat dan negara. Saya tidak mahu begitu.

31. Kesemua teras dan fokus yang disasarkan, kita mahu menghasilkan impak atau outcome yang benar-benar memberikan manfaat kepada masyarakat. Saya akan memantau pelaksanaan AL-FALAH secara dekat melalui *dashboard*. Kita akan keluarkan kad laporan

prestasi dari semasa ke semasa untuk memaklumkan hasilnya kepada masyarakat.

32. Saya amat berharap supaya pelaksanaan pelan Al-Falah ini kita dapat realisasikan secara berencana. Penilaian pertama adalah dalam tempoh 6 bulan terdekat ini. Saya amat berharap agar Pelan ini akan memberi kesan dan impak langsung terhadap umat Islam terutama dalam Mengangkat Martabat Insan, Membangun Malaysia Madani yang menjadi moto kerja kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

### **BERSAMA MENDEPANI CABARAN PEMBANGUNAN UMMAH**

33. Sekali lagi, saya ingin mengajak semua warga Hal Ehwal Islam untuk iklhaskan niat dan beristiqamah bagi sama-sama menjayakan Pelan Transformasi Al-Falah yang telah sama-sama kita gariskan. Ini kerana, dalam rangka melaksanakan cita-cita pembangunan Ummah ini, banyak cabaran yang perlu kita tangani bersama.

34. Sebagaimana kita sedia tahu, Hal Ehwal Agama merupakan satu bidang yang sentiasa menjadi tumpuan

seluruh umat Islam. Ini kerana kita bertanggungjawab terhadap hampir seluruh keperluan umat Islam dari segi tuntutan peribadatan, kekeluargaan dan muamalat. Oleh itu, kita hendaklah gigih memberi perkhidmatan dan jangan mudah berasa bosan. Namun dalam masa yang sama, kita hendaklah berwaspada juga supaya tidak terjebak dengan isu-isu sensitif yang melanggar tatasusila kemasyarakatan.

35. Cabaran lain yang perlu kita tangani bersama juga ialah berkaitan **isu perbezaan pandangan dan pendapat yang tidak terkawal dalam kalangan umat Islam**. Situasi ini sekiranya tidak ditangani dengan hikmah akan menambahkan lagi kekusutan masyarakat yang akhirnya terus menimbulkan krisis kepercayaan. Oleh itu, kita akan menyahut saranan YAB Perdana Menteri yang telah meminta kita mendidik masyarakat dengan ilmu dan budaya Adab Berbeza Pendapat Menurut Islam. Satu buku khusus diterbitkan JAKIM dengan kerjasama ABIM berkaitan tema ini. Kita berharap selepas ini, akan banyak seminar dan wacana berkaitan tema ini dikembangkan demi memastikan perpaduan ummah di kalangan masyarakat Islam akan dapat kita perkukuhkan.

36. Inilah antara cabaran dan hambatan yang berada di hadapan kita semua yang memerlukan penyelesaian tuntas dalam usaha kita membangun Malaysia Madani.

37. Baginda Rasulullah SAW menyebut dalam hadithnya daripada Saidina Jabir RA:

عَنْ جَابِرَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Maksud hadith:

Daripada Jabir RA, telah bersabda Rasulullah SAW: “Sebaik-baik manusia adalah yang paling banyak memberikan manfaat kepada insan”

(Riwayat Imam Ahmad)

38. Saya selalu menyebut hadith ini dalam pertemuan saya bersama warga kerja agensi. Mari bersama-sama kita mengaplikasikan maksud hadith dalam realiti kerja. Kita mahu bekerja untuk memberikan manfaat kepada ummah.

**Hadirin sekalian,**

**(RAPATKAN SAF PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM)**

39. Mulai hari ini, saya ingin menyeru semua warga agensi untuk merapatkan saff dan barisan, memperkemaskan ukhuwah, sama-sama menjulang tinggi semangat ta’awun untuk kita memberikan sepenuh tenaga dan usaha kepada kerja-kerja kita di

kesemua 14 buah agensi hal ehwal Islam. Setiap agensi melaksanakan fungsi jabatan masing-masing dan perlulah fokus kepada titik sentuh masyarakat.

40. Saya juga amat mengharapkan seluruh agensi dapat memperkasa kerjasama strategik antara agensi. Kita semua membawa agenda besar untuk kepentingan agama dan negara iaitu AI-FALAH.

41. Begitulah juga aspek tatakelola dan tadbir urus di semua agensi Islam. Kita mesti bersih dan dilihat bersih daripada sebarang salah laku dan penyelewengan. Biarlah pengurusan agensi Islam dicontohi oleh jabatan-jabatan lain.

**Bukit sama kita daki,  
Lurah sama kita turuni,  
Patah sayap bertongkat paruh,  
Patah paruh bertongkat siku,  
Patah siku bertongkat dagu,  
Patah dagu bertongkat kuku.**

## **[PENUTUP]**

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan**

42. Sekadar inilah sahaja ucapan saya. Saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga agensi yang hadir dalam majlis pada hari ini termasuk para pegawai dan kakitangan yang berada di luar ibu pejabat, termasuk warga kader yang ditempatkan di Kementerian dan Jabatan.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.